



ISU 1
EDISI 3

GENERASI

FAKULTI PENGAJIAN UMUM DAN PENDIDIKAN LANJUTAN

Analisis / Analysis

Mengukir Pengalaman: Keindahan dan Keunikan Budaya Pembuatan Perahu di Ulu Tembeling, Pahang

Bicara Minda / Mind Talk

Penguasaan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Perantara: Peranan Ibu Bapa Melestarikan Jati Diri Melayu Anak-Anak di Rumah
Kenapa Kita Mencintai Gaza

Inovasi / Innovation

Empowering Through Assessments: Future Proof Graduates with AI-Enhanced SimuView for Employment Success

Travelog / Travelogue

Kembara Sufi di Utara Thailand

Kreatif / Creative

Where is the Grace of Our Language and Culture?
Thailand Traditional Art of Kae Sa Luk

*Berbeza Budaya
Bersatu Jiwa*

SISWA TEKA

Jom Reka
Dialog Power

SCAN ME



Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan - FUPL UnisZA



<https://www.fupl.unisza.edu.my>



fupl_unisza



<https://youtube.com/@fuplunisza4743>

Hak Cipta Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan 2023 /
Copyright Faculty of General Studies and Advanced Education 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, UniSZA.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced , copied, stored in any retrieval system, or transmitted in any forms by any means – electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise., without prior permission writing from the Faculty of General Studies and Advanced Education, UniSZA .

Diterbitkan di Malaysia:
FAKULTI PENGAJIAN UMUM DAN PENDIDIKAN LANJUTAN
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
KAMPUS GONG BADAQ
21300 KUALA NERUS
TERENGGANU, MALAYSIA.
TELEFON: 09-6688400
E-Mel: fupl@unisza.edu.my
Laman Web: fupl.unisza.edu.my

MENARIK DISEMBER 2023

KANDUNGAN

Dari Meja Editor	3
Analisis / Analysis	7
Mengukir Pengalaman : Keindahan dan Keunikan Budaya Pembuatan Perahu Jalur di Ulu Tembeling, Pahang	
Bicara Minda / Mind Talk	11
Penguasaan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Perantara: Peranan Ibu Bapa untuk Mengekalkan Jati Diri Anak-Anak di Rumah	13
Menuntut Hak Kebenaran Demi Keadilan	15
Kenapa Kita Mencintai Gaza	17
Navigating the Transformation : Initiatives in Shaping the Open and Distance Learning (ODL) Professional Workplace	
Inovasi / Innovation	19
Empowering Through Assessments: Future-Proof Graduates with AI-Enhanced SimuView for Employment Success	
Travelog / Travelogue	21
Kembara Sufi di Utara Thailand	
Kreatif / Creative	23
Tafakur Jagat	24
Where is the Grace of Our Language and Culture?	25
Lunar Lore : The Kaan Part 2	27
Thailand Traditional Art of Kae Sa Luk	
Memori@FUPL	30
Peraduan Siswa Teka	36

KOLUMNIS | Dr Norazilawati Abd Wahab / Nur Naimhafizah Ramli / Dr Abdul Wahab Md. Ali / Prof Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah / Lena Ramamurthy / Noor Syamimie Mohd Nawi / Mohd Sufian Moktar / Hanis Atiqah Abdul Hamid / Ahmad Atif Khairul Azmin / Siti Fatimoh Ibrohen/ Dr Razi Yaakob/ Saliana Sawaluddin/Junaidah Abd Rahman/Khoirunnisak Mat Saad/Syakirah Shafien/ Shahidatul Maslina Mat Sood/Nur Hafezah Hussain/Nur Alia Shamsul Bahri

PENCARIAN BAKAT

Anda KREATIF?
Mahir menggunakan CANVA?
Tahu InDesign?
Aktif di laman sosial?

NAK SIDE INCOME?

JOM SERTAI KAMI!

PENYUNTING/EDITOR

1

- Mengumpul dan Menyunting Karya

2

PEREKA GRAFIK

- Mereka Visual Grafik Majalah

<https://forms.gle/K3zeJZcdtSoVUpJFA>

KLIK PAUTAN INI

ATAU

SCAN
HERE!



PERMOHONAN DIBUKA SEHINGGA 10 FEBRUARI 2024



Dari Meja Editor

GENERASI Edisi Disember 2023 kali ini membawakan satu tema kreatif yang mendedahkan nilai estetika melalui penceritaan budaya dan jati diri yang terbentuk hasil daripada gaya hidup masyarakat di beberapa tempat semenanjung Malaysia dan juga luar negara.

Budaya ditakrifkan Kamus Dewan Edisi Keempat sebagai membiasakan sesuatu perilaku (perbuatan dll) yang baik supaya berbudaya atau beradab; kebudayaan keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan, dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, dan kemajuan (akal budi).

Dapat difahami di sini bahawa budaya itu hanya akan terjadi dengan kesatuan satu kelompok manusia yang sama-sama menjadikannya suatu perkara yang diterima dan 'terbiasa'.

Maka, sebagai individu yang bertanggungjawab memelihara budaya yang telah terbina sejak sekian lama, haruslah kita sama-sama mengambil inisiatif meneruskan amalan-amalan baik agar generasi akan datang dapat melihat dan merasai budaya asli. Bahkan, sifat jati diri perlu ditanam agar tidak terhakis oleh arus peredaran zaman. Ini kerana, budaya unik yang berjaya dicipta oleh masyarakat

Melayu merupakan satu nilai kearifan tempatan dan perlu dilestarikan sepanjang zaman.

Istimewa edisi kali ini, GENERASI tidak terkecuali untuk bersama-sama masyarakat menyokong jihad yang sedang berlangsung di tapak kiblat pertama umat Islam (masjid Al-Aqsa), iaitu Palestin. Perang antara Palestin dan Israel berdekad lamanya mencatat sejarah apabila konflik kali ini adalah serangan yang paling kejam.

'Genocide', 'ethnic-cleansing', menjadi fokus utama Israel menawan Bumi Anbiya'. Diberitakan oleh sumber buletin utama negara, seramai 18,412 mangsa telah terkorban (jumlah dipercayai semakin meningkat) telah terbunuh sejak perang dilancarkan 7 Oktober 2023 yang lalu. Puratanya, 100 kanak-kanak terbunuh setiap hari.

Persoalannya, apa tindakan kita sebagai individu muslim yang bermastautin di negara Islam, Malaysia?

Cukuplah dengan sepotong hadis riwayat Ibnu Mas'ud untuk menjentik sanubari kita:

Sesiapa yang berjihad menentang mereka dengan tangan maka dia adalah seorang Mukmin. Sesiapa yang berjihad menentang mereka dengan lidah maka dia adalah seorang Mukmin. Sesiapa yang menentang mereka dengan hati maka dia adalah seorang Mukmin dan tidak ada di sebalik itu iman walaupun sebesar biji sawi. (Riwayat Muslim)

Sama-samalah kita mendalami maksud jihad yang sebenar di sisi agama dan tekad lah dengan segala usaha yang termampu kita jalani. Wallahua'lam.

Saliana Sawaluddin
Keua Editor



Sidang Redaksi



Ketua Editor
Saliana Sawaluddin



Penolong Editor
Dr. Razi Yaakob



Penolong Editor
Dr. Muhammad Hafizuddin Ghani



Penolong Editor
Dr. Abdul Wahab Md. Ali



Grafik dan Rekabentuk
Farah Diana Mohamad Zali



Grafik dan Rekabentuk
Mohd Firdaus Jusoh



Grafik dan Rekabentuk
Nur Naimhafzah Ramli

Wacana Pengajian Teras

WACANA PENGAJIAN TERAS
ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI): NILAI DAN ETIKA ISLAM SEBAGAI PANDUAN MENGHADAPI DUNIA DALAM GENGGMAN

Panel II
GURUH SUGIARTO, SE., MM.
 Pensyarah Manajemen
 Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi
 Universitas Islam Negeri Mataram, Indonesia

Panel I
PROF. MADYA DR. MUHAMAD FAZIL AHMAD
 Pensyarah Universiti
 Fakulti Sains Sosial Gunaan
 Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Moderator:
NURUL HIDAYATI
 Pelajar
 Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi
 Universitas Islam Negeri Mataram, Indonesia

TARIKH: ISNIN, 30 OKTOBER 2023

Wacana Pengajian Teras Bil. 17:
"Artificial Intelligence (AI): Nilai dan Etika Islam Sebagai Panduan Menghadapi Dunia dalam Genggamannya"

WACANA PENGAJIAN TERAS BIL 19:
PERANAN INDUSTRIAL MENDEPANI BENCANA

PENCERAMAH
Y.Brs En. Yazil bin Muhamad Saleh
 Pengurus Kanan,
 Hal Ehwal Korporat dan
 Perhubungan Awam,
 Gardenia Bekerias (KL Sdn. Bhd.)

MODERATOR
Y.Brs. Dr. Razi bin Yaakob
 Pensyarah Kanan
 Jabatan Kewangan &
 Keusahawanan
 Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan
 Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Wacana Pengajian Teras Bil. 19:
Peranan Industrial Mendepani Bencana

WACANA FAKULTI PENGAJIAN UMUM & PENDIDIKAN LANJUTAN Bil.16 2023

PEMBENTANG:
 1. Puan Siti Shuhaili binti Mohamad Moha
 Kolej Komuniti Temerloh
 2. Encik Mohd Fazi Khalid bin Ismail
 Kolej Komuniti Temerloh
 3. Encik Muhammad Iwan bin Ismail
 Kolej Komuniti Temerloh
 4. Encik Sabari Azlan bin Bahidin
 Kolej Komuniti Bagan
 5. Puan Nik Mas Alini binti Badrudin@Muhamad
 Kolej Komuniti Temerloh
 6. Encik Lukman Hakim bin Ahmad
 Kolej Komuniti Bera
 7. Encik Muhammad Iwan bin Ismail
 Kolej Komuniti Temerloh

MODERATOR:
Dr. Haniff Bin Md Latah @ Junid
 Timbalan Pengarah
 Pusat Perindahan Ilmu Dan Pendidikan Berterusan (P2P)
 UMSZA, Kampus Gong Badak

TARIKH: 10 JULAI 2023 (ISNIN)
MASA: 9:00 MALAM
PLATFORM: webex

ANJURAN: FAKULTI PENGAJIAN UMUM & PENDIDIKAN LANJUTAN

Wacana Pengajian Teras Bil. 16:
"Kolaborasi Penyelidikan Menjalinkan Kerjasama Menjana Sinergi"

WACANA PENGAJIAN TERAS
GEN Z DAN KESIHATAN MENTAL: CABARAN DAN PENYELESAIAN

Panel II
DR. SITI HAJAR BINTI MOHAMAD YUSOFF
 Pensyarah Psikologi
 Fakulti Kontemporari Islam
 Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Panel I
DWI WIDARNA LITA PUTRI, M. PSI., PSIKOLOG
 Pensyarah Psikologi
 Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi
 Universitas Islam Negeri Mataram, Indonesia

Moderator:
MUJAHIDIN HASANUL BISRI, S.SOS
 Pelajar Sarjana
 Fakulti Sains Sosial Gunaan
 Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Wacana Pengajian Teras Bil. 18:
"Gen Z dan Kesihatan Mental: Cabaran dan Penyelesaian"

ISM SYARIAH
GROUP B 23/24

FREE PALESTINE

YOU DON'T NEED TO BE MUSLIM TO STAND UP FOR GAZA, YOU JUST NEED TO BE HUMAN..

YOU'RE NOT ALONE

**"FROM THE RIVER TO THE SEA,
PALESTINE WILL BE FREE"**



DON'T STOP TALKING ABOUT PALESTINE!!!




Perahu Jalur yang Telah Siap Dihasilkan Turut Digunakan untuk Membawa Pelancong Mengelilingi Sungai Kuala Sat, Pahang

Mengukir Pengalaman : Keindahan dan Keunikan Budaya Pembuatan Perahu Jalur di Ulu Tembeling, Pahang



Dr. Norazilawati Abd Wahab
Nur Alia Shamsul Bahri
norazilawatiwahab@unisza.edu.my



Gambaran Awal Perahu Jalur dengan Bahagian Lunas di Tengah Sebelum Papan Timbal Kiri dan Kanan di Pasang

Sejarah Ringkas Negeri Pahang

Negeri Pahang dengan keluasan 14 ribu batu persegi adalah sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu. Negeri ini juga terletak di sepanjang timur Semenanjung menghadap Laut China Selatan. Rujukan terawal tentang Pahang terdapat dalam rekod China iaitu Min Shih, Hai-Lu dan Tao-I Chi-Lioh daripada zaman Dinasti Ming yang memberi pelbagai gelaran tentang negeri tersebut seperti Peng Heng, Pang Heng, Peng Keng, Panghang atau Pong Fong. Sebahagian besar kawasan daratan di Pahang diliputi oleh hutan belantara. Walau bagaimanapun, di sepanjang Pantai Timur seperti Terengganu, Kelantan dan Pahang, ketiga-tiga negeri ini mempunyai pantai berpasir yang sama sekali berlainan dengan pantai yang ditumbuhi pokok bakau dan berlumpur di negeri-negeri pantai barat. Menurut Hugh Clifford, di Pahang, selain memiliki hutan yang membekalkan pelbagai sumber alam semulajadi,

Pahang juga merupakan sebuah negeri yang cukup maju dengan sistem pengangkutan air. Sungai utama yang menghubungkan laluan antara pedagang tempatan dengan pedagang luar adalah Kuala Sungai Jelai dan Ulu Tembeling. Pernyataan ini disokong oleh W. Linehan, bahawa jalan pengangkutan utama ke kawasan pedalaman di antara Pahang dengan negeri-negeri utara selalunya adalah di Sungai Tembeling (Aruna Gopinath, 1993).

Pembuatan Perahu Jalur dalam Kalangan Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu di Tanah Melayu menggunakan sumber air sama ada sungai atau laut untuk berkomunikasi, mencari rezeki dan berdagang antara satu kampung dengan kampung yang lain. Aktiviti kelautan atau lebih dikenali sebagai aktiviti maritim telah dilakukan oleh masyarakat prasejarah iaitu sejak lapan ribu tahun dahulu. Kesan daripada perkembangan kegiatan maritim yang dijalankan oleh masyarakat Melayu termasuk di Pahang, telah membawa kepada penggunaan pengangkutan air untuk kegunaan masyarakat tempatan. Menariknya, antara pengangkutan air yang cukup maju digunakan oleh masyarakat ketika itu ialah perahu jalur. Perkembangan pengangkutan perahu jalur dalam kalangan masyarakat tempatan dilihat berlaku disebabkan oleh jarak tempat tinggal masyarakat dengan sungai begitu dekat dan kawasan hutan simpan yang mampu membekalkan sumber kayu untuk pembuatan perahu jalur. Antara kayu yang cukup sesuai digunakan untuk membuat perahu jalur ialah meranti. Manakala alatan yang digunakan pula hanya bergantung kepada peralatan tradisional seperti kapak, beliung, alat pemotong kayu, penggorek dan pelubang sahaja (Temubual bersama Muhammad Fahrul Jefridin, 7 September 2022).

Keunikan Pembuatan Perahu Jalur di Ulu Tembeling, Pahang.

Siapa sangka di kawasan pedalaman sejauh 200 kilometer daripada Bandar Kuantan, Pahang, terdapat beberapa buah kampung yang masih mempunyai keunikan budaya yang cukup mengagumkan. Kampung Mat Daling dan Kampung Kuala Sat yang terletak jauh di Ulu Tembeling, Pahang merupakan beberapa buah kampung kecil yang cukup tenang dan mempunyai aktiviti ekonomi yang bergantung penuh kepada sungai. Berdasarkan pengalaman penulis bersama

pembantu penyelidik, kesukaran untuk memasuki kawasan kampung-kampung ini menyebabkan kami terpaksa menaiki kenderaan 4x4 milik salah seorang penduduk kampung yang tinggal di kawasan Kampung Mat Daling.

Pengalaman penulis melakukan kajian berkaitan pembuatan perahu di kampung tersebut memberikan sumber inspirasi yang cukup bermakna. Kampung Mat Daling misalnya, masih terdapat masyarakat Melayu yang menjalankan kegiatan pembuatan perahu jalur. Perahu Jalur di Kampung Mat Daling merupakan pengangkutan air yang cukup unik dan sangat popular sehinggakan ia masih digunakan oleh penduduk tempatan sehingga kini. Kebiasaannya, panjang perahu jalur yang dihasilkan ialah 33 kaki dan ia cukup sesuai digunakan oleh masyarakat yang tinggal di sekitar sungai yang berdekatan. Kemudahan memperoleh kayu yang ringan seperti kayu meranti, merbau, penaga dan seraya merupakan antara faktor penarik pembuatan perahu jalur berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu di Kampung Mat Daling. Ditambah dengan bentuk kayu yang lurus memudahkan lagi penghasilan perahu jalur dalam kalangan mereka.

Menurut S. Abdul Hamid M. Nasaruddin (2014), kekuatan masyarakat Pahang ketika itu adalah mereka mampu menumbangkan sebatang pokok balak yang besar untuk menghasilkan sebuah perahu jalur yang berkualiti dan bersaiz panjang. Oleh itu, tidak mustahil tukang perahu di Kampung Mat Daling begitu pakar dalam menentukan kayu sesuai yang boleh digunakan untuk menghasilkan perahu jalur. Menariknya mereka, kayu yang bersaiz besar ini juga akan ditebang, dibelah dua, dibuang isi di bahagian tengah kemudian disalai agar air di dalam kayu kering, berjaya memperlihatkan bahawa nilai kearifan tempatan begitu tinggi dimiliki oleh mereka.

Kekuatan dalaman bekerja secara berkumpulan menjadikan mereka begitu pakar dalam membuat perahu jalur dengan hanya menggunakan peralatan tradisional sahaja. Bahkan, perahu jalur pahang juga menggunakan pasak kayu agar perahu yang dihasilkan lebih kukuh dan tahan lasak. Walaupun terdapat perbezaan dari segi saiz dan panjang pasak yang digunakan oleh tukang perahu Terengganu dan

Pahang, namun secara jelasnya memperlihatkan bahawa perahu tradisional yang dihasilkan oleh tukang perahu di pantai timur sememangnya menggunakan pasak (Temubual bersama Wan Faldli Wan Manah, 7 September 2022)

Selain di Kampung Mat Daling, penulis juga berpeluang menjalankan kajian di Kampung Kuala Sat yang turut terletak di kawasan Ulu Tembeling, Pahang. Abu Ishak Mat Deli merupakan salah seorang tukang perahu jalur yang berpengalaman lebih 10 tahun dalam pembuatan perahu jalur dan seorang tukang perahu yang cukup kreatif. Beliau telah mencipta banyak perahu jalur dengan kepelbagaian warna yang cukup menarik dan antara perahu jalur berjaya memberikan impak besar kepada beliau dan penduduk tempatan ialah perahu jalur sepanjang 50 kaki (Temubual bersama Abu Ishak Mat Deli, 7 September 2022).

Perahu jalur ini mempunyai dua warna yang cukup menarik iaitu kuning dan merah. Penggunaan warna kuning dan merah ini mempunyai warna yang cukup sinonim dalam budaya masyarakat Pahang. Sebagai contoh ialah warna kuning. Warna kuning dianggap sebagai lambang dan status yang cukup tinggi kepada seorang raja. Terciptanya warna kuning pada badan perahu jalur ini juga sedikit sebanyak terdapat kaitan di mana Kampung Kuala Sat, Kampung Mat Daling dan Kampung Bantal, Pahang sentiasa menerima kunjungan kerabat Diraja Pahang. Ditambah pula dengan kewujudan Istana Sri Tembeling atau juga dikenali dengan nama Istana Menanti yang terletak di Kampung Bantal Pahang menjadikan kampung-kampung ini begitu maju dengan pelbagai budaya termasuk budaya pembuatan perahu.. Apa yang menarik untuk ditonjolkan juga, keadaan alam semula jadi di kawasan Sungai Pahang yang cukup indah dengan keasyikan bunyi unggas sambil membawa masyarakat tempatan menaiki perahu jalur merupakan antara nilai kesenian dan kearifan tempatan yang sukar diperoleh pada masa kini. (Temubual bersama Abu Ishak Mat Deli, 7 September 2022)

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pengalaman penulis bersama Pembantu Penyelidik dalam menjalankan kajian di Kampung Mat Daling dan Kampung Kuala Sat yang terletak di Ulu Tembeling Pahang ini merupakan satu

pengalaman yang sukar dilupakan. Ini kerana, melalui pengalaman inilah dapat dilihat bahawa tukang perahu di Pantai Timur sememangnya masih wujud bukan sahaja di Terengganu bahkan masih terdapat di Pahang. Kepakaran membuat perahu tradisional dalam kalangan mereka seharusnya ditonjolkan kerana inilah nilai kerarifan tempatan yang sebenar dan sukar dicari ganti.



Penulis dan Pembantu Penyelidik Bergambar Bersama Tukang Perahu Jalur di Kampung Mat Daling, Ulu Tembeling Setelah Selesai Sesi Temuramah

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) melalui Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) yang bertajuk "Pembinaan Model Lestari Warisan Teknologi Perahu bagi Meningkatkan Taraf Tukang Timbal sebagai Satu Kearifan Tempatan" (FRGS/1/2021/SSI0/UNISZA/03/5)

Rujukan

- Rosele, M. I., Rahim, R. A. A., & Ramli, M. A. (2015). Islamisasi awal di Pahang: satu tinjauan teori. *Jurnal Kemanusiaan*, 13(1). Temubual bersama Muhammad Fahrul Jefridin, 7 September 2022.
Temubual bersama Abu Ishak Mat Deli, 7 September 2022.
Temubual bersama Wan Faldli Wan Manah, 7 September 2022.

klik di sini untuk melihat lebih banyak gambar dan video:
https://drive.google.com/drive/folders/1-v_HWuftCj54Mwn-gbpon6W-PC0MTOA9?usp=drive_link

RUANGAN IKLAN UNTUK DISEWA

**SAIZ A4
RM500**

**UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:
PN. SALIANA (017-9077679)**

**SAIZ A5
RM250**

**SAIZ A6
RM100**

Penguasaan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Perantara; Peranan Ibu Bapa Melestarikan Jati Diri Melayu Anak-Anak di Rumah

*Nur Naimhafizah Ramli, Khoirunnisak Mat Saad, Junaidah Abdul Rahman
naimhafizah@unisza.edu.my*

Pentingnya Bahasa Inggeris, Bahasa Komunikasi Global

Bahasa Inggeris adalah bahasa global yang sangat penting dalam kehidupan semasa. Ia digunakan dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, sosial, teknologi, sains, dan hiburan. Oleh sebab itu, pembudayaan bahasa Inggeris menjadi semakin penting dalam masyarakat kita. Di Malaysia, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan, dan merupakan bahasa komunikasi utama bagi kebanyakan keluarga Melayu. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan globalisasi dan kemajuan teknologi, bahasa Inggeris semakin penting dalam kehidupan seharian.

Dalam pendidikan, penggunaan bahasa Inggeris juga semakin ditekankan dan penting dalam memasuki pasaran kerja yang semakin kompetitif. Adalah penting untuk mengasuh anak-anak sejak kecil untuk memahami Bahasa Inggeris dan mempunyai kemahiran untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Kajian menunjukkan mempelajari bahasa baru akan mengubah struktur minda manusia (jangan risau, ia dalam bentuk yang lebih baik). Ia akan memberi kesan kepada bahagian yang berfungsi untuk ingatan, pemikiran sedar dan banyak lagi. Secara ringkasnya, belajar bahasa baru akan membuatkan otak anak-anak menjadi lebih kuat dan serba boleh, serta meningkatkan cara pemikiran mereka. Penguasaan dwibahasa juga boleh mengekalkan otak yang kuat dan sihat sehingga tua, dan membantu dengan ingatan, fokus dan kemahiran lain. Justeru, wajar ibu bapa mengamalkan penggunaan Bahasa Inggeris di rumah bersama anak-anak untuk mereka aktif berfikir dan berkomunikasi.

Kepentingan mempelajari bahasa kedua juga telah diketahui sejak dari dulu lagi. Seperti yang dinyatakan ayat 13 dalam surah al-Hujurat:

“Bahasa menjadi penghubung ilmu dan keharmonian, sama ada di antara negara bersaudara, etnik, atau berlainan bangsa, bahasa menjadi alat yang membina persefahaman dan kebersamaan manusia”.

Nabi Muhammad saw turut menganjurkan para sahabat supaya mempelajari bahasa kedua untuk tujuan dakwah. Madinah ketika itu bukan hanya diduduki oleh bangsa Arab tetapi juga bangsa Yahudi menyebabkan pembelajaran bahasa asing menjadi sesuatu yang sangat penting pada ketika itu. Baginda mempunyai kebimbangan berkenaan tipu daya Yahudi lalu menyuruh seorang sahabat iaitu Zaid bin Tsabit untuk mempelajari bahasa tersebut. Selain Zaid, Rasulullah dikelilingi oleh para sahabat lain yang menguasai pelbagai bahasa asing. Ada antara mereka yang menguasai bahasa Parsi, ada juga yang menguasai bahasa Rom, juga bahasa Habsyah (Etiopia). Semua ini sangat membantu dalam menyebarkan dakwah Islam ke seluruh dunia.

Sebuah akhbar Berita Harian di Singapura (2019) melaporkan, 67 peratus keluarga Melayu yang mempunyai anak di peringkat tahap satu menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama di rumah pada tahun 2019, berbanding 18 peratus pada tahun 1999. Peningkatan ini adalah secara dasarnya berlaku kerana tingginya kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan bahasa Inggeris.

Penguasaan Bahasa Inggeris Tidak Menghakis Jati Diri Anak Melayu

Dalam usaha untuk membiasakan penggunaan Bahasa Inggeris di rumah, peranan kedua ibu bapa adalah sama penting dalam membantu anak-anak meningkatkan penggunaan bahasa ini, namun janganlah sampai menghakis jati diri anak-anak sebagai bangsa Melayu bagi mengekalkan martabat bahasa kebangsaan.

Menurut Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), terdapat negara luar yang turut diasak oleh bahasa dunia yang dominan itu tetapi negara tersebut masih tidak meninggalkan warisan mereka disebabkan mempunyai sikap dan jati diri yang tinggi. “Perkara sedemikian didapati tidak berlaku di Perancis, Jerman, Jepun, Korea dan Indonesia walaupun warisan mereka turut ditekan oleh bahasa Inggeris tetapi masih mampu mengekalkan warisan bahasa mereka”.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Salmi Che Mah (1998), beliau mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara bahasa pertuturan di rumah dengan penguasaan Bahasa Inggeris. Apabila ibu bapa mempraktikkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam aktiviti harian terutamanya semasa anak-anak berada di rumah, mereka akan lebih didedahkan dengan bahasa tersebut. Pendedahan yang kerap dengan penggunaan Bahasa Inggeris akan meningkatkan lagi penguasaan mereka dalam bahasa tersebut.

Oleh yang demikian, ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengekalkan nilai-nilai dan tradisi Melayu dalam kehidupan harian keluarga mereka. Mereka adalah penggerak utama yang mengajar anak-anak mereka tentang budaya, adat resam, dan bahasa Melayu, sekaligus membantu menjaga warisan budaya ini. Selain itu, ibu bapa juga memiliki tanggungjawab untuk memberikan didikan agama dan moral kepada anak-anak mereka. Ini membantu mengukuhkan nilai-nilai Islam dan adat Melayu dalam pemikiran dan tingkah laku generasi muda. Melalui interaksi harian di rumah, ibu bapa dapat menyampaikan nilai-nilai seperti hormat kepada orang tua, kasih sayang kepada keluarga, dan rasa persatuan dalam kehidupan keluarga, yang semuanya penting dalam mengekalkan jati diri Melayu dalam konteks bahasa Inggeris. Dengan penglibatan aktif ibu bapa dalam memberi contoh dan mendidik anak-anak mereka, kekal jati diri Melayu dalam persekitaran bahasa Inggeris dapat dicapai dan dipelihara.

Peranan Ibu Bapa di Rumah

Untuk memastikan anak-anak memperoleh keseimbangan berbahasa Inggeris di samping mengekalkan nilai jati diri sebagai anak Melayu, berikut adalah strategi yang boleh dijadikan panduan bagi ibu bapa di rumah :

1. One parent, one language

Ibu menggunakan Bahasa Inggeris pada kebanyakan masa

di rumah, manakala bapa menggunakan bahasa ibunda sepenuhnya.

2. Rumah vs sekolah

Ibu bapa memastikan bahawa anak-anak hanya menggunakan Bahasa Inggeris di sekolah, manakala jika di rumah, mereka dikehendaki berbahasa ibunda.

3. Komunikasi bersahaja (tidak formal)

Ibubapa perlulah memastikan kedua-dua bahasa (Melayu dan Inggeris) digunakan secara seimbang dalam konteks perbualan yang sama. Kaedah ini sebaiknya diimplemen semasa anak masih kecil.

Kesimpulannya, ibu bapa mestilah mendedahkan penggunaan Bahasa Inggeris kepada anak-anak secara bijak; mempraktikkan bahasa Inggeris dan pada masa yang sama berusaha mengekalkan jati diri bangsa Melayu dalam jiwa mereka. Penggunaan meluas Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang paling kerap digunakan di rumah tidak bererti jika bahasa ibunda diabaikan. Ironinya, ini menunjukkan tahap pemerolehan dwibahasa yang sihat dalam kalangan anak-anak dengan mengekalkan kefahaman tentang mengutamakan bahasa ibunda dahulu, sebelum bahasa kedua yang lain. Dengan penglibatan aktif ibu bapa dalam memberi contoh dan mendidik anak-anak mereka, diharapkan nilai jati diri Melayu dalam persekitaran Bahasa Inggeris dapat dicapai dan dipelihara sebaiknya.

“Bahasa menjadi penghubung ilmu dan keharmonian, sama ada di antara negara bersaudara, etnik, atau berlainan bangsa, bahasa menjadi alat yang membina persefahaman dan kebersamaan manusia”.

Menuntut Hak Kebenaran Demi Keadilan

Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee
Abdullah
ridhuantee@unisza.edu.my

Beza antara perhimpunan ikhlas dengan himpunan penuh tanda tanya?

“Lautan manusia membanjiri luar kedutaan Amerika, meskipun tanpa nyanyian artis terkenal.”

Beza sungguh perhimpunan soladariti Palestin pada 28 Oktober 2022. Meskipun diadakan di atas jalan raya, berhujan, berpanas, tanpa nyanyian artis terkenal, lautan manusia hadir membanjiri perkarangan kedutaan Amerika Syarikat, sekitar Jalan Tun Razak. Inilah harga sebuah keikhlasan dalam sebuah perjuangan.

Berbanding dengan perhimpunan sebelum ini meskipun dijemput artis terkenal bagi menarik perhatian ramai, namun hambar. Percayalah! Bawalah artis hebat macam mana pun, rakyat tidak mudah terpedaya lagi. Artis bukan ikutan kami, kecuali artis yang benar-benar ikhlas dengan Islam dan perjuangan, bukan pura-pura, demi menjaga periuk nasi.

Paling menyedihkan ketika perhimpunan di Dataran Merdeka sebelum itu, yang datang tidaklah seberapa, penuh dengan hipokresi, sehingga laungan takbir tidak dibenarkan, kecaman ke atas Zionis minta dihentikan. Pelik sungguh penganjur seperti ini. Akhirnya, bila dikecam, terpaksa meminta maaf, bagi mengelakkan mudarat lebih besar.

Namun, perhimpunan 28 Oktober 2023, sangat berbeza, inilah perhimpunan terbesar pernah saya ikuti Untukmu Palestin. Harga sebuah perjuangan yang ikhlas, bukan dibuat-buat seperti yang lain. Tiada siapa dihalang untuk bertakbir. Tanpa disuruh, laungan takbir terus bergema, memecah suasana yang begitu nyaman, dengan tiupan angin, mengibarkan bendera Palestin megah berdiri, seolah-olah itulah suatu kemenangan buatmu Palestin.

Tidak langsung tercetus kontroversi. Perhimpunan berlangsung begitu aman sekali. Kita disatukan dengan kalimah yang suci. Hadir dengan ikhlas

Isu Palestin Isu Agama

Sejak awal lagi saya telah katakan, isu Palestin ini, isu agama, bumi para anbiya, bukan kemanusiaan semata. Ya, tidak dinafikan Palestin juga isu kemanusiaan, cuma jangan sampai tenggelam isu agama. Tidak perlu takut untuk memperkatakan yang benar itu benar, termasuk mengecam tindakan Zionis. Takbirlah sekuat-kuatnya membesarkan Allah swt., kerana pertolongan Allah adalah segala-galanya.

Umat Islam Palestin masih bertahan sehingga ke hari ini, tanpa apa-apa yang menjamin, sempadan pun tidak diiktiraf Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), buktinya sehingga kini masih tidak ada status negara bangsa. Apakah faktor yang menjadikan mereka terus kuat, kalau bukan faktor agama dan hak. Mereka rindukan syahid. Kalau bukan mempertahankan agama, mana mungkin mereka syahid.



Penulis di Perhimpunan Solidariti untuk Palestin

Percayalah, Palestin tidak akan kalah, selagi mereka bertaut di tali Allah swt. Walaupun mereka dibunuh, dibom, darahnya masih mengalir walaupun selepas ditemui beberapa hari. Ini menyaksikan bahawa mereka ini syahid yang menjadi idaman dan semangat umat Islam Palestin untuk terus hidup mempertahankan tanahair tercinta. Bumi Palestin adalah bumi umat Islam sejagat, bumi para anbiya.

Ikhlas Dalam Perjuangan

Saya ingatkan penganjur-penganjur lain, iklaskan dalam perjuangan. Jangan tenggelamkan isu agama. Jangan buat sesuatu hanya kerana orang lain buat, ingin menunjukkan. Berfikir apa nanti apa orang kata kalau tidak buat. Jangan kamu lunturkan semangat mereka yang hadir dengan tidak boleh bertakbir, mengecam Zionis. Malu kita dengan pemimpin bukan Islam, yang berucap mempertahankan Palestin, terutama di luar negara.

Ingatlah sesiapa yang ikhlas dalam apa jua perkara, pasti akan membuahkan hasil yang indah. Keikhlasan akan membuat kita merasa ringan. Semua ibadah diniatkan untuk Allah sehingga makin merasakan cinta kita kepada Allah. Orang ikhlas tidak akan kecewa dalam kerja kesehariannya, baik dalam beribadah maupun bekerja, kerana dia tidak mengharapkan pujian dari orang lain melainkan mencari keredhaan Allah swt.

...“Percayalah, Palestin tidak akan kalah, selagi mereka bertaut di tali Allah swt. Walaupun mereka dibunuh, dibom, darahnya masih mengalir walaupun selepas ditemui beberapa hari. Ini menyaksikan bahawa mereka ini syahid yang menjadi idaman dan semangat umat Islam Palestin untuk terus hidup mempertahankan tanahair tercinta.”...



Penulis di Perhimpunan Solidariti untuk Palestin

Malangnya hari ini kita selalu mahu menunjukkan kononnya kita menyokong Palestin walhal sebenarnya sekadar wayang. Sesungguhnya kita semua mengharapkan supaya dihindarkan daripada sifat riak. Melakukan sesuatu kebaikan bukan kerana Allah, tetapi untuk mendapat pujian atau penghargaan dan penghormatan semata. Kita juga mengharapkan moga dijauhkan dari sifat ujub iaitu satu sifat mengagumi diri sendiri, kagum ketika dirinya merasa memiliki kelebihan kuasa, yang mungkin tidak dimiliki orang lain. Maka, dicanangkan seluruh dunia akan kehebatannya.

Moga kita semua dijauhkan Allah daripada perkara tersebut.

Kenapa Kita Mencintai Gaza?

Dr. Abdul Wahab Md. Ali
Pensyarah Kanan,
Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Dungun
abdawahab@uitm.edu.my

Hari ini satu dunia bicara soal Gaza. Sebuah bumi barakah yang menjadi medan jihad dan syahid umat Islam menentang zionis Israel laknatullah. Kita di bumi Malaysia selalu disebut-sebut sebagai rakyat pencinta Gaza. Kita dilihat terkedepan dalam menzahirkan rasa cinta dan sokongan kepada perjuangan mereka. Justeru, agar cinta menjadi lebih sempurna, apa kata kita berkenalan dengan sirah bumi Gaza.

Gaza merupakan sebuah bandar di selatan Palestin yang bersempadan dengan Sinai, Mesir. Orang Parsi dulu-dulu menggelar bandar ini dengan nama 'Hazaatu'. Orang Kan'aaan menggelarnya 'Hazaani'. Orang Mesir menggelarnya 'Ghazaatu'. Orang Ibrani menggelarnya 'Ghazzah' yang bermaksud kuat atau kukuh. Orang Arab pula menggelarnya 'Ghazzah Hasyim'. Apa rahsia di sebalik banyaknya nama ini? Pepatah Arab sering menyebutkan:

كثرة الأسماء تدل على شرف المسمى

Gaza Bumi Keturunan Nabi SAW

Kenapa bangsa Arab memanggilnya Ghazzah Hasyim? Tak lain kerana bumi ini ada hubungan yang sangat rapat dengan moyang Nabi kita yang mulia iaitu Hasyim bin Abdu Manaf. Jadi, kalau dipersoalkan orang kenapa kita umat Muhammad begitu mencintai bumi Gaza dan ahlinya? Jawabnya kerana Gaza adalah buminya moyang baginda Nabi SAW.

Hasyim atau nama sebenarnya Amru menurut riwayatnya adalah orang pertama yang menyusun perjalanan untuk urusan perniagaan pada musim sejuk dan musim panas. Allah SWT menceritakan tentang perkara ini secara umum dalam surah

Quraish dengan firman-Nya yang bermaksud:

"Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Makkah). (laitu) kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman), dan pada musim panas (ke negeri Syam)." (Surah Quraisy: 1-2)

Hasyim keluar berdagang ke Syam. Adik-beradiknya yang lain seperti Abdu Syam berdagang ke Hasyah, Mutalib ke Yaman dan Naufal ke Iraq. Jadi musim sejuk mereka ke Yaman, Habsyah dan Iraq manakala musim panas ke Syam. Ditakdirkan Allah, ketika Hasyim berdagang ke bumi Palestin (sebahagian dari Syam), beliau meninggal di Gaza. Sebagai tanda penghormatan buatnya, bumi Gaza disebut dengan Ghazzah Hasyim.

Gaza Bumi Kelahiran Imam Syafie

Imam Syafie atau nama penuh Muhammad bin Idris dilahirkan di bumi Gaza pada tahun 150 Hijrah. Dikatakan ketika berusia dua tahun, dia berpindah ke Asqalan kira-kira 18km dari Gaza. Asqalan sekarang ia telah ditukar menjadi Ashkelon dan berada di bawah kekuasaan Israel laknatullah. Bumi Asqalan ini pula adalah tempat kelahiran Imam yang terkenal iaitu Ibnu Hajar al-Asqalani yang mengarang kitab Fathul Bari syarah terhadap kitab Sahih Bukhari. Sekalipun tidak lama di Gaza, ia sangat dekat di hati Imam Syafie. Beliau sangat mencintainya dan pernah mengungkapkan syair kerinduannya yang berbunyi:

وإني لمشتاقٌ إلى أرضِ غَزَّةَ
وإنْ خَانَنِي بَعْدَ التَّفَرُّقِ كِتْمَانِي
سَقَى اللهُ أَرْضًا لَوْ ظَفَرْتُ بِتُرْبِهَا
كَحَلْتُ بِهِ مِنْ شِدَّةِ الشُّوقِ أَجْفَانِي

*Demi sesungguhnya aku teramat rindu pada bumi Gaza
Meskipun pendam hatiku telah mengkhianatiku
selepas meninggalkannya
Semoga Allah menghujankan air di bumi, yang kalau
dapat kuambil tanahnya
Akan kujadikan celak mata dek kerana rindu yang
membara*

Gaza Bumi Persinggahan Israk

Umum kita maklumi bahawa dalam peristiwa Israk, Nabi SAW singgah sekejap di Baitul Maqdis, Palestin sebelum mikraj ke Sidratul Muntaha. Ramai yang tak tahu, Buraq yang dinaiki Nabi SAW dan Malaikat Jibril telah 'parking' di beberapa tempat dalam perjalanan pergi. Antara tempat tersebut ialah bumi Baidha'. Ketika ditanya kepada Jibril, beliau mengatakan ia adalah bumi Madyan, di bawah pohon tempat perteduhan Nabi Musa a.s. Imam Baihaqi dalam Dalail Nubuwwah mengatakan bahawa tempat itu berada di sebuah perkampungan di bumi Gaza.

Gaza Bumi Pengantin

Dalam sebuah hadis dhaif riwayat daripada Abdullah ibn Zubair menyebutkan:

طَوَّبَى لِمَنْ أَسْكَنَهُ اللهُ تَعَالَى إِحْدَى الْعَرُوسَيْنِ ، عَسْقَلَانَ أَوْ غَزَّةَ

Beruntunglah bagi sesiapa yang Allah SWT tetapkan baginya berada di salah satu pengantin iaitu Asqalan atau Gaza.

Keberuntungan dan perumpamaan dengan pengantin di sini menggambarkan bahawa keistimewaan dan keberkatan yang ada pada dua tempat tersebut. Sesetengah ahli hadis mengatakan bahawa keistimewaan pada kedua-dua tempat tersebut kepada adanya Baitul Maqdis di situ. Secara lebih terperinci, keistimewaan Asqalan disebutkan dalam Hasyiah Musnad Imam Ahmad dengan riwayat daripada Anas bin Malik r.a. yang mnyebutkan:

عَسْقَلَانَ أَحَدِ الْعَرُوسَيْنِ، يَبِيعُ مِنْهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ سَبْعُونَ أَلْفًا، لَا حِسَابَ عَلَيْهِمْ، وَيَبِيعُ مِنْهَا خَمْسُونَ أَلْفًا شُهَدَاءَ

Bumi Asqalan merupakan salah satu pengantin, dibangkitkan daripadanya pada hari Kiamat seramai 70000 orang tanpa hisab, dan dibangkitkan 50000 daripadanya syuhada

Bila kita lihat keteguhan iman dan kekuatan spiritual umat Islam di bumi, tahulah kita bahawa mereka bukan orang biasa-biasa. Mereka adalah insan pilihan Allah SWT untuk mempertahankan bumi barakah. Semoga Allah memberikan kemenangan Islam melalui tangan-tangan mereka. Semoga Allah mengampunkan kita atas lemahnya upaya kita untuk membantu mereka. Amin.



Navigating the Transformation : Initiatives in Shaping the Open and Distance Learning (ODL) Professional Workplace Communication Elective Course

Lena Ramamurthy, Noor Syamimie Mohd Nawwi, Nur Hafezah Hussein, Shahidatul Mashina Mat Sood and Syakirah Shafien

lena@umk.edu.my

Introduction

English language courses offered in the Universiti Malaysia Kelantan (UMK) have witnessed a remarkable transformation over the years, with the integration of technology facilitating the shift from conventional classroom settings to blended learning. Moreover, the COVID-19 outbreak has fundamentally reshaped the landscape of education, prompting higher institutions worldwide to adapt swiftly to remote learning environments.

